

# Warta Penerangan

Bil 5 Mei 2008

Edisi Kelima  
2008

## Majlis Penyerahan Poster Sempena Sambutan Ulang Tahun ABDB Ke-47

Sebanyak 2,000 keping poster sempena Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) Ke-47 telah diterbitkan oleh Jabatan Penerangan dengan kerjasama ABDB.

Poster tersebut dibahagikan di keempat-empat buah daerah melalui Kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan serta Cawangan Jabatan Penerangan di daerah-daerah.

Majlis Penyerahan Poster diadakan pada 20 Mei di Dewan Pengiran Setia Negara di Jabatan Penerangan, Berakas. Ia dihadiri oleh wakil dari 12 buah Kementerian dan Cawangan Jabatan Penerangan Daerah Tutong, Belait dan Temburong.

Sebelum acara penyerahan poster disempurnakan, ucapan penghargaan terlebih dahulu disampaikan oleh Pemerintah Pangkalan Tentera Udara Diraja Brunei juga selaku Timbalan Pengerusi Sambutan Ulang Tahun ABDB Ke-47.

Majlis Penyerahan Poster disempurnakan oleh Pemangku



Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Mahrub bin Haji Murni menyerahkan poster kepada Timbalan Pengerusi Sambutan Ulang Tahun ABDB Ke-47.

Pengarah Penerangan, Awang Haji Mahrub bin Haji Murni kepada Timbalan Pengerusi Sambutan Ulang Tahun ABDB Ke-47, wakil-wakil Kementerian dan jabatan kerajaan serta Cawangan Jabatan Penerangan Daerah Tutong, Belait dan Temburong.

Sambutan Ulang Tahun ABDB Ke-47 bertemakan 'Memperkasa Tunas Bangsa Memperkukuh Pertahanan Negara'.



Pemangku Pengarah Penerangan ketika berucap di majlis itu.

## Aktiviti Keagamaan Cawangan Jabatan Penerangan Daerah Tutong

Setiap hari Isnin, Selasa dan Rabu mulai jam 11.00 pagi hingga 12.30 tengah hari Cawangan Jabatan Penerangan Daerah Tutong mengadakan Kelas Belajar Al-Qur'an bermula pada 27 November 2007.

Kelas ini asalnya diungkuhkan oleh Awang Haji Mumin bin Haji Madin dan tenaga pengajarnya daripada Majlis Belia Daerah Tutong. Alhamdulillah kelas ini dapat memberikan manfaat kepada pelajarannya yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan jabatan di daerah ini.

Diucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Tuan Pengarah kerana memberikan kesempatan serta kebenaran cawangan di sini untuk mengadakan kelas ini.

Berita sumbangan:  
Awang Sahari Haji Gharib  
Cawangan Jabatan Penerangan  
Daerah Tutong



## Sidang Redaksi

### **Penasihat**

Haji Mahrub Haji Murni  
Haji Yussof Haji Ladi

### **Ketua Pengarang**

Hajah Noorashidah Haji Aliomar  
Sastra Sarini Haji Julaini

### **Ahli Sidang Pengarang**

Noriah Haji Abdul Hamid  
Hajah Noorhijrah Haji Idris  
Hajah Zaianit Haji Noorkhan  
Aida Hidup  
Hajah Apsah Haji Sahdan

### **Penyumbang Berita**

Ismalee Haji Abdul Rahman  
Asnah Diwa  
Nor Ajjiah Mohammad  
Bahagian-bahagian  
Cawangan Daerah-daerah

### **Penyemak**

Hajah Norpisah Md Salleh

### **Penyelaras Online**

Haji Ariffin Mohd Noor

### **Fotografi**

Bahagian Fotografi  
&  
Audio Visual  
Bahagian Perhubungan Awam  
Bahagian Berita Inggeris  
&  
Media IT

## Sekapur Serih

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera

Warta Penerangan meneruskan lagi dengan pengisian berita-berita yang memaparkan kegiatan warga Penerangan. Sememangnya jabatan tidak pernah kering dengan aktiviti-aktiviti dalam dan luar negeri yang melibatkan pegawai dan kakitangannya.

Program Rakan Remaja Penerangan juga diteruskan pada bulan ini, kali ini di Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja, Mentiri. Sememangnya jabatan terus melaksanakan misinya dengan melibatkan pelajar sekolah menengah. Semoga program ini dapat terus menyemai semangat kenegaraan dan menambahkan kepekaan terhadap tanggungjawab sebagai rakyat Brunei.

Jabatan Penerangan seperti juga pada setiap tahun bekerjasama dengan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei bagi menerbitkan poster Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Ke-47. Adanya kerjasama ini pemberiagan bagi acara ini terus dapat disebarluaskan di keempat-empat daerah.

Hubungan kerjasama ini terus dipertingkatkan lagi dengan lawatan kerja warga Penerangan ke Biro Tata Negara Cawangan Sabah. Selain dapat mengeratkan hubungan mesra dan persahabatan, lawatan ini juga membuka peluang untuk warga Penerangan mempelajari dari biro tersebut dalam berbagai aspek yang mana akan dapat digunakan untuk meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan jabatan sekarang.

Syukur dan alhamdulillah diucapkan kepada Cawangan Jabatan Penerangan Daerah Tutong yang telah mengukayahkan Kelas Belajar Membaca Al-Qur'an kepada pegawai dan kakitangannya. Adanya usaha sedemikian ini setentunya akan dapat memberi keberkatan pada pelaksanaan tugas seharian.

Kepada pegawai dan kakitangan yang bersara pada bulan ini, diucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas sumbangan khidmat yang telah diberikan. Semoga tunjuk ajar dan pengalaman yang telah dicurahkan akan menjadi panduan kepada pegawai dan kakitangan yang masih berkhidmat. Semoga Allah memberi berkat dalam mengharungi jalan masing-masing, amin. Kepada kakitangan yang baru berkhidmat diucapkan Selamat Datang ke Jabatan Penerangan.

Sekian. Wassalam.

**HAJI MAHRUB HJ MURNI**  
Pemangku Pengarah Penerangan.

## Isi Kandungan

- Program Rakan Remaja Penerangan	3
- Mesyuarat JPAKK&JJK Bil 4 / 2008	
- Lawatan Kerja Ke Biro Tata Negara Cawangan Sabah	4 & 5
- Pegawai bersara	6
- Para pegawai dan kakitangan berkursus	
- MRO bertugas di bulan Mei	7
- Pemenang Peraduan Anugerah Fotografi Terbaik 2008 - 2009	8
- Kakitangan yang baru berkhidmat	
- Selamat Hari Lahir	
- Ucapan Tahniah	

Biskita dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita bahagian masing-masing. Berita berkenaan boleh dihantar terus ke Bahagian Perhubungan Awam atau Bahagian Berita Inggeris dan Media IT.

Berita-berita berkenaan juga boleh dihantar melalui faks 2382 012 atau 2382548.

Atau e-mel terus ke [wartapenerangan@gmail.com](mailto:wartapenerangan@gmail.com)



## Program RRP Di Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja

Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Mahrub bin Haji Murni ketika berucap kepada para penuntut Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja, Mentiri dan Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajjah Mariam, Serasa.

Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri telah meneruskan lagi Program Rakan Remaja Penerangan (RRP) bertempat di Dewan Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja, Mentiri pada 3 Mei.

Seramai 800 penuntut dari Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja, Mentiri dan Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajjah Mariam, Serasa hadir untuk menyaksikan persembahan RRP yang merupakan pakej taklimat dan perbincangan, sketsa drama, lawak jenaka, kuiz dan pameran mini.

Program RRP yang mula dilancarkan pada 1 April sempena ulang tahun

penubuhan Jabatan Penerangan yang ke-56, bertujuan untuk mendekati golongan remaja terutamanya yang berada di sekolah agar peka terhadap perkembangan semasa, di samping untuk menanamkan semangat kenegaraan dan tanggungjawab sosial di kalangan golongan sasaran tersebut.

Selain itu, Program RRP juga bertujuan untuk melibatkan para remaja di sekolah-sekolah sebagai rakan atau ejen penyebaran maklumat yang positif kepada rakan-rakan sebaya.

Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Mahrub bin Haji Murni ketika berucap di majlis pada pagi itu

menyarankan kepada para penuntut supaya menanamkan prinsip berdaya tahan dalam menimba ilmu pengetahuan, kemahiran, pengalaman, nilai-nilai etika dan kelayakan selaras dengan moto sekolah 'Berilmu, Berakhlak dan Berbakti'.

Menurut beliau lagi, saranan tersebut demi untuk merealisasikan matlamat Wawasan Brunei 2035 iaitu rakyat yang berjaya, berpendidikan dan berhemah tinggi, meningkatkan kualiti hidup, ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

## Mesyuarat Jawatankuasa Perhubungan Awam Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan Bilangan 4 / 2008

Pada 7 Mei, Mesyuarat Jawatankuasa Perhubungan Awam Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan (JPAKK&JJK) telah berlangsung di Bilik Persidangan Pehin Orang Kaya Shahbandar, Jabatan Penerangan. Ianya dipengerusikan oleh Pengiran Dato Paduka Haji Ismail bin Pengiran Haji Mohamed, Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri yang juga merupakan Pengerusi jawatankuasa berkenaan.

Para ahli JPAKK&JJK yang hadir juga berpeluang mendengarkan taklimat mengenai 'Pengurusan Media Semasa Menghadapi Krisis' oleh Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Haji Mohd Yusof, Pemangku Pengarah Perancangan, E-Kerajaan dan Media, Jabatan Perdana Menteri.

Dari taklimat berkenaan, Pengerusi mengharapkan agar semua ahli mengetahui mengenai mekanisme-mekanisme yang telah disentuh dalam taklimat itu. Ahli JPAKK&JJK adalah secara automatik menjadi pegawai penghubung di antara Pusat Media dan agensi masing-masing dalam memberikan maklumat dari segi maklumat terkini, data dan sebagainya.

Agenda lain juga dibincangkan di mesyuarat kali ini, antaranya ialah mengenai Bengkel Penulisan Berita / Rencana yang dijadualkan akan berlangsung pada 19, 21 dan 23 Jun pada sebelah pagi di Jabatan Penerangan. Ia adalah salah satu projek Sekretariat JPAKK&JJK kepada semua ahli supaya berjinak-jinak dalam penulisan artikel atau berita.

# Lawatan Kerja Ke Biro Tata Negara

Jabatan Penerangan pada 30 Mei hingga 1 Jun telah mengadakan lawatan kerja ke Biro Tata Negara (Cawangan Sabah), Jabatan Perdana Menteri Malaysia. Lawatan ini merupakan lawatan balas kepada Biro Tata Negara yang telah berkunjung ke Jabatan Penerangan pada awal Disember tahun 2007.

Seramai lebih 40 orang mengikuti rombongan lawatan ini yang diketuai oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Mahrub bin Haji Murni. Antara yang menyertai rombongan ialah para pegawai dan kakitangan jabatan termasuk beberapa orang ahli keluarga serta wakil dari agensi pelancongan.



Peserta rombongan bergambar ramai bersama Pemangku Pengarah Penerangan.

Program lawatan pada 30 Mei bermula pada sebelah malam memandangkan rombongan tiba agak lewat di Kota Kinabalu. Ketibaan rombongan jabatan dialu-alukan oleh Penolong-penolong Pengarah, para pegawai dan kakitangan Biro Tata Negara Sabah.

Pada malam tersebut, rombongan Jabatan Penerangan telah diraikan dengan Majlis Makan Malam bersama Yang Berhormat Puan Hajah Zainab binti Datuk Haji Ahmad, Ahli Dewan Undangan Negeri Sabah N12 Sepanggar bertempat di Hotel Hyatt Regency, Kota Kinabalu.

Selain ucapan sambut tamu daripada Yang Berhormat Puan Hajah Zainab dan ucapan sekapur sirih oleh Yang Berbahagia Datuk Ibrahim bin Saad, Pengarah Biro Tata Negara (Cawangan Sabah), makan malam turut diserikan dengan persembahan nyanyian dan tarian.

Pada hari kedua, rombongan bertolak ke Kudasang untuk melawat Kem Bina Negara. Di Kem Bina Negara Kudasang, rombongan menerima taklimat ringkas mengenai kem berkenaan. Kem Bina Negara ini mula beroperasi pada September 2003 dan terletak di kawasan pergunungan yang berlatarbelakangkan Gunung Kinabalu.

Sesi soal jawab bersama Yang Berbahagia Datuk

Ibrahim Saad, Pengarah Biro Tatanegara Cawangan Sabah juga diadakan selepas taklimat. Antara lain beliau berharap supaya lawatan ini akan dijadikan sebagai projek tahunan di antara kedua-dua buah jabatan. Selain itu, pihak Biro Tata Negara juga menyatakan kesediaan untuk menerima pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan bagi mengikuti apa jua kursus yang dikendalikan oleh biro berkenaan. Semasa lawatan tersebut, rombongan juga berkesempatan melawat persekitaran kem dan berpeluang melihat demonstrasi dan menyertai aktiviti lasak yang terdapat di kem berkenaan. Sebelum bergerak balik ke Kota Kinabalu, rombongan berkesempatan singgah sebentar di beberapa buah gerai di sepanjang Kudasang. Setiba di Kota Kinabalu, beberapa orang ahli rombongan telah berkesempatan mengikuti perlawanan badminton persahabatan.

Program hari kedua diteruskan pada sebelah malam dengan acara makan malam bersama Yang Berhormat Ariffin bin Arif, Presiden Majlis Hal Ehwal Anak Negeri Sabah di Wisma Tun Fuad.

Di majlis tersebut, Yang Berhormat berkesudian menyampaikan ucapan alu-aluan kepada rombongan jabatan. Pengarah Biro Tata Negara Cawangan Sabah, Yang Berbahagia Datuk Ibrahim bin Saad juga berkesempatan menyampaikan ucapan perpisahan, diikuti dengan ucapan balas oleh Pemangku Pengarah.

Acara makan malam ini turut diserikan dengan persembahan nyanyian, tarian dan permainan yang disertai oleh wakil-wakil dari Jabatan Penerangan dan Biro Tata Negara. Selain itu Majlis Kejutan Hari Jadi (Suprise Birthday Party) juga diadakan bagi meraikan para pegawai Jabatan Penerangan dan Biro Tata Negara yang menyambut hari ulang tahun pada bulan Mei dan Jun.



Ahli rombongan bergambar ramai di hadapan Marina Apartment, Kota Kinabalu.

# Negara Cawangan Sabah



Berkat kerjasama dan semangat berpasukan semua ahli rombongan yang ikut serta, lawatan ini tetap menjadi kenangan manis kepada semua yang menyertai walaupun terpaksa berhadapan dengan pelbagai rintangan seperti terperangkap berjam-jam dalam barisan kenderaan yang panjang.

Program lawatan berakhir pada 1 Jun dengan rombongan jabatan meninggalkan Kota Kinabalu selepas bersarapan pagi di Restoran Sutera Bayu. Sebelum bergerak meninggalkan Kota Kinabalu, rombongan berkesempatan singgah ke Pasar Jalan Gaya dan Kilang Keropok Lekor.

Lawatan kerja ke Biro Tata Negara Cawangan Sabah ini

diharapkan akan dapat mengeratkan silaturahim antara dua buah jabatan kerajaan dari dua buah negara berjiran ini; selain dapat memberikan sedikit sebanyak pandangan atau buah fikiran kepada kita untuk lebih menambah baik kualiti perkhidmatan yang ada sekarang.

Alhamdulillah, syukur juga dipanjatkan ke hadrat Allah Subhanahu Ta'ala kerana lawatan kerja ini berjalan dengan lancar dengan adanya semangat kerjasama dan berpasukan yang diberikan oleh para peserta lawatan ke Biro Tata Negara Cawangan Sabah.

## Aktiviti warga Penerangan sepanjang berada di Sabah.....



## Pegawai dan kakitangan bersara bulan Mei 2008



**Haji Matayir bin Haji Amin**

Jawatan: Pelukis Pemandangan  
Cuti sebelum bersara: 16 Mac - 26 Mei 2008  
Bersara: 27 Mei 2008



**Haji Omar bin Haji Muhammad**

Jawatan: Juruteknik Foto Tingkat I  
Cuti sebelum bersara: 9 April - 30 Mei 2008  
Bersara: 31 Mei 2008

**Muhd Sufian bin Abdullah**

Jawatan: Pemandu Tingkat II  
Cuti sebelum bersara: 29 Mac - 3 Mei 2008  
Bersara: 4 Mei 2008



## Para pegawai dan kakitangan yang menghadiri kursus dan seminar sepanjang bulan Mei

- Pengarah Penerangan, Awang Haji Mahrub bin Haji Murni telah mengikuti Persidangan: 'Strategic Communications: Communicating In New Media Environment' di Republik Singapura pada 21 hingga 23 Mei.
- Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar telah mengikuti PR Academy 7<sup>th</sup> Annual Conference di Republik Singapura pada 19 hingga 23 Mei.
- Awang Haji Mahmud bin Haji Masri dan Pengiran Ikram bin Pengiran Haji Ahmad mengikuti Seminar Pengurusan Kewangan di Kementerian Kewangan pada 14 hingga 15 Mei.
- Awang Adanan bin Haji Ibrahim, Awang Haji Rahime bin Haji Anuar dan Awang Rafa'ee bin Yaakub mengikuti Bengkel Perhubungan Awam 'Public Relation Workshop' di Institut Perkhidmatan Awam pada 12 hingga 15 Mei.
- Awang Haji Salleh bin Haji Ibrahim, Awang Haji Narip bin Haji Bostan dan Awang Abd Aziz bin Haji Ibrahim mengikuti kursus Penyediaan Permohonan Peruntukan Tahunan 2008 di Pusat Persidangan Antarabangsa pada 7 Mei.
- Pengiran Haji Zahari bin Pengiran Adi dan Awang Haji Masrin bin Baharin mengikuti Kursus Asas Da'wah di Pusat Da'wah Islamiah pada 5 hingga 10 Mei.
- Awang Balang Gelawat dan Awang Haji Jafree bin Haji Mohd Hanafiah mengikuti Kursus Internet Explorer & Microsoft Outlook di Institut Perkhidmatan Awam pada 5 hingga 7 Mei.
- Awang Ah Chua Bangau dan Awang Muhd Halime bin Haji Tajuddin mengikuti Kursus Microsoft Powerpoint di Institut Perkhidmatan Awam pada 5 hingga 7 Mei.

## Pegawai Penyelaras Media (MRO) bertugas pada bulan Mei



Para Pegawai Penyelaras Media yang bertugas semasa sambutan ulang tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Ke-47 di Perkhemahan Lumut, Seria.

Para Pegawai Penyelaras Media (Media Relation Officer - MRO) Jabatan Penerangan seperti biasa telah bertugas untuk menyelaras dan memantau aktiviti membuat liputan oleh para pemberita dan jurugambar jabatan-jabatan kerajaan dan media pihak swasta dalam dan luar negeri sepanjang bulan Mei seperti berikut:

Tarikh	Acara
1 Mei	Menyelaras pergerakan media semasa keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah merasmikan Go Broadband DST di Empire Hotel & Country Club, Jerudong.  Istiadat Bersiram Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah di Istana Nurul Iman
13 - 15 Mei	Menyelaras pergerakan media dalam dan luar negeri sempena keberangkatan lawatan negara Raja Jordan, Raja Abdullah II dan Permaisuri Rania Abdullah ke Negara Brunei Darussalam
20 Mei	Menyelaras pergerakan media di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei semasa keberangkatan lawatan negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke India
22 Mei	Menyelaras pergerakan media semasa keberangkatan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah di Majlis Pelancaran Learning Ladders di Empire Hotel & Contry Club, Jerudong
24 Mei	Menyelaras pergerakan media semasa perasmian Minggu Tenaga di kawasan letak kereta Jabatan Perkhidmatan Elektrik di Lapangan Terbang Lama, Berakas
27 Mei	Menyelaras pergerakan media semasa latihan Sambutan Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Ke-47 di Perkhemahan Lumut, Seria
28 Mei	Menyelaras pergerakan media semasa keberangkatan mengejut Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Jabatan Radio dan Televisyen Brunei di bangunan baru di Kampong Sungai Akar dan bangunan lama di ibu negara
31 Mei	Menyelaras pergerakan media semasa upacara Sambutan Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Ke-47 di Perkhemahan Lumut, Seria

## Pemenang Peraduan Anugerah Fotografi Terbaik 2008 - 2009

Bahagian Fotografi dan Audio Visual, Jabatan Penerangan telah menganjurkan Peraduan Anugerah Fotografi Terbaik 2008 – 2009 bermula pada bulan April dan dibahagikan kepada dua kategori: Kategori Jurugambar dan Kategori Pegawai dan Kakitangan.

Peraduan tersebut dibukakan penyertaannya kepada semua pegawai dan kakitangan jabatan yang berminat menyertainya.



'Ranap' oleh Awang Samle bin Haji Jait yang memenangi bagi Kategori Pegawai dan Kakitangan.



'Cahaya Petang' oleh Hernie Suliana binti Haji Othman telah memenangi peraduan bagi Kategori Jurugambar.

Bagi bulan April (15 April hingga 15 Mei) dengan tema 'Cahaya' telah dimenangi oleh Dayang Hernie Suliana binti Haji Othman melalui gambar 'Cahaya Petang' bagi Kategori Jurugambar. Manakala bagi Kategori Pegawai dan Kakitangan, gambar 'Ranap' oleh Awang Samle bin Haji Jait telah berjaya menduduki tempat pertama.

Peraduan tersebut diteruskan lagi bagi bulan Mei dengan tema '3 Warna'.

## Ucapan Tahniah

Semua pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan

mengucapkan tahniah kepada Dayang Hafizatul Atikah binti Abdullah kerana selamat menimang cahaya mata pada 4 April dan kepada Dayang Norsiah binti Haji Umar sempena perkahwinan anak beliau, Mohd Sihamuddin bin Awang Hidop dengan pasangannya,

Dayang Zainab binti Ali pada 6 April.

Juga ucapan tahniah ditujukan kepada Dayang Ruhil Amal Faridah binti Awang Yahya sempena perkahwinan beliau pada 3 Mei.

*Kakitangan yang baru berkhidmat*



Dayangku Nur-Effa Ryina binti Pengiran Haji Hamdani

Jawatan: Pembantu Pegawai Luar  
Tarikh melapor: 16 Mei 2008

## Selamat Hari Lahir!!!

Dayang Nor Hasnah binti Haji Ahaim	01 Mei
Dayang Norainah binti Haji Ibrahim	04 Mei
Awang Mohd Sufian bin Abdullah	04 Mei
Awang Besar bin Haji Mamit	07 Mei
Dayang Aida binti Hidup	09 Mei
Awang Haji Dayang bin Haji Kasim	12 Mei
Pengiran Ikram bin Pengiran Haji Ahmad	14 Mei
Awang Yahya bin Haji Nasir	16 Mei
Dayang Marinah binti Jumat	16 Mei
Dayangku Hajah Fatimah binti Pengiran Haji Mohd Noor	20 Mei
Dayang Dona Azfina binti Ibrahim	21 Mei
Awang Hassim bin Haji Murah	22 Mei
Awang Haji Roslan bin Haji Mohd Daud	23 Mei
Awang Md Zulaidi bin Muhammad	25 Mei
Awang Haji Matayir bin Haji Amin	27 Mei
Pengiran Haji Zahari bin Pengiran Adi	27 Mei
Dayang Hajah Norpisah binti Mohamed Salleh	27 Mei
Dayang Mastinah binti Malik	28 Mei
Awang Haji Omar bin Haji Mohammad	31 Mei